



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 32
Bil. 1

4hb Januari 1979

TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 1.

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK

PERATURAN-PERATURAN ZAKAT DAN FITRAH, 1975

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 106 (1) dan (2) Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 11/1965 maka Majlis dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah disebut sebagai **Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah, 1975** dan hendaklah berjalan kuatkuasanya pada 29hb Julai, 1978. Gelaran Pendik.
2. Dalam Peraturan-peraturan ini melainkan jika maksudnya berke- Makna. hendakkan kepada makna yang lain:

“Amil” maknanya seorang pemungut zakat dan/atau fitrah yang dilantik oleh Yang Dipertua termasuk pengusaha ‘Pengumpul’ penyimpan, pekerja-pekerja dan pembahagi-pembahagi zakat dan/atau fitrah dan mereka-mereka yang mengambil bahagian dalam pekerjaan ini tetapi tidak termasuk Kadi dan Pegawai Kerajaan dan Kakitangan Kerajaan;

“Bulan Kamariah” maknanya bulan mengikut kira-kira perjalanan bulan di dalam hukum Syarak;

“Darham” maknanya satu timbangan yang menyamai 2.405522 grem perak;

“Fakir” maknanya orang Islam yang keadaannya sudah tiada mempunyai harta dan tiada upaya kerana apa-apa sebab, mencari kehidupan dan termasuklah:

- (a) Mereka yang tiada berharta dan tiada upaya sama sekali dan tiada tanggung oleh mana-mana pihak seperti bapa dan ibu dan anak atau suaminya;
- (b) Mereka hanya ada cukup usaha yang layak baginya atau meraka yang tiada harta sahaja tetapi pendapatannya tiada mencukupi bagi setengah perbelanjaan dan tidak pula ditanggung oleh sesiapapun;

SI9c

- (c) Mereka yang mempunyai harta dan cukup usaha tetapi pendapatan daripada keduanya itu tiada sampai separuh daripada kehendak perbelanjaannya dan tanggungannya;
- (d) Penuntut ilmu ugama yang maju tiada peluang untuk berusaha dan tiada dapat tanggungan daripada mana-mana pihak.

“Gantang Bagdad” maknanya satu sukanan yang menyamai dua setengah cupak gantang Malaysia atau menyamai lima perlapan gantang Malaysia atau menyamai timbangan beras sebanyak tiga kati dua belas tahil Malaysia;

“Gharim” maknanya orang yang berhutang seperti di bawah ini:

- (a) Mereka yang berhutang kerana terpaksa berbelanja bagi mendamaikan pergaduhan diantara dua pihak dengan perbelanjaan yang menesabah;
- (b) Mereka yang berhutang kerana perbelanjaan diri dan tanggungannya yang biasanya boleh dibayar tetapi tiada dapat dibayar kerana kejadian yang tiada disangka dan tidak dapat dielakan;
- (c) Mereka yang berhutang kerana sebarang kebajikan am dengan ada anggaran membayarnya tetapi anggaran itu tiada dapat bagi membayar hutang itu kerana sebab-sebab yang menesabah.

“Ibni Sabil” maknanya pengembaraan dan termasuklah:

- (a) Mereka yang mengembara melalui negeri ini dengan syarat ia putus perbelanjaan dan pengembaraannya itu tidak dengan tujuan maksiat;
- (b) Mereka yang hendak mengembara dari negeri ini kerana tujuan yang dipersetujukan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Perak dan tidak mempunyai perbelanjaan bagi menyampaikan tujuan itu.

Tetapi tidak termasuk pengembaraan yang tiada ketentuan tempat yang hendak dituju dan pengembaraan yang ditegah oleh hukum Syarak.

“Jawatankuasa Zakat dan Fitrah” maknanya ialah Jawatankuasa Masjid yang dilantik di bawah fasal 113 Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perak 11/1965;

“Miskin” maknanya orang-orang Islam yang tidak termasuk dalam makna fakir oleh sebab mereka ada upaya dan dengan sebenarnya berusaha mencari kehidupan tetapi pendapatan daripada usahanya tidak mencukupi bagi perbelanjaan wajibnya dan begitu juga mereka yang ada harta atau usaha yang layak dan juga usahanya tetapi tidak mencukupi bagi perbelanjaan wajibnya;

“Misqal” maknanya satu timbangan yang menyamai 3.436460 grem emas (20 misqal bersamaan dengan 25 mayam dan 2.7108 saga; satu mayam bersamaan dengan 9 hoon dan 100 hoon bersamaan dengan 1 tahil);

“Muallaf” maknanya seorang yang baru berugama Islam yang kepercayaannya belum kukuh dan termasuklah orang kafir yang telah memeluk Ugama Islam yang boleh menarik kaum bangsanya ke-Ugama Islam;

“Musim” maknanya masa menanam daripada mula menurun benih hingga masa mengetam tidak lebih daripada tiga ratus lima puluh empat (354) hari;

“Perbelanjaan Wajib” maknanya perbelanjaan harian yang perlu atau mesti tetapi tidak termasuk perbelanjaan untuk perkakas perhiasan atau perbelanjaan barang-barang mewah (luxury goods);

“Riqab” (hamba) maknanya hamba yang dijanjikan oleh tuannya akan mendapat kebebasan dengan bayaran dalam tempoh yang ditentukan;

“Sabillah” maknanya mereka yang masuk pasukan tentera dengan tiada bergaji untuk berperang kerana Ugama Islam takrif perkataan ini yang lebih luas termasuklah menolong orang-orang Islam yang tiada termasuk asnaf yang lain tetapi ialah kerana jalan Allah jua seperti:

- (a) Menyara Sekolah Ugama Rakyat yang difikirkan yang patut dibantu;
- (b) Mengadakan pelajaran-pelajaran ugama bagi penduduk-penduduk di tempat-tempat yang tiada upaya penduduk-penduduk di tempat itu mengadakannya, termasuklah saraan gurunya;
- (c) Mengadakan latihan kepada orang-orang Islam untuk menjayakan perusahaan bagi kehidupannya jika mustahak;
- (d) Bantuan kepada penuntut ilmu ugama yang mustahak mendapat bantuan;
- (e) Mengadakan tempat pelajaran Ugama dan menyaranya jika mustahak;
- (f) Menjalankan seruan ugama Islam kepada orang yang bukan Islam;
- (g) Menguruskan mayat orang Islam yang tiada siapa yang menanggung atasnya; dan
- (h) Sebarang kebijakan yang difikirkan patut oleh Majlis daripada masa ke semasa.

“Seorang” maknanya diri seorang sama ada laki-laki atau perempuan termasuklah satu syarikat atau persatuan atau kumpulan orang samada diperbadankan atau tidak;

“Tanaman” maknanya termasuklah tanaman oleh seorang wakil atau pun bagi pihak tuanpunya;

“Tempat” maknanya termasuklah rumah, bangunan, khemah dan kapal.

3. (1) Tiap-tiap orang Islam hendaklah membayar fitrah dirinya dan fitrah orang tanggungannya kepada Amil yang bertauliah di dalam kariah masjid yang ia tinggal atau kepada mana-mana Amil yang bertauliah.

Bayaran Fitrah.

(2) Bayaran fitrah itu hendaklah dengan beras yang biasa di makan sekadar satu gantang Bagdad bagi tiap-tiap seorang atau dengan harga-nya yang ditetapkan oleh Majlis.

(3) Bayaran fitrah itu hendaklah dibuat pada tiap-tiap tahun Hijrah di dalam bulan Ramdzan dan tidak lewat daripada menunaikan sembahyang Hari Raya Puasa atau Aidil Fitri.

4. (1) Seorang Islam yang menanam padi atau gandum atau sekoi dalam masa dua belas bulan Kamariah samada sekali tanam atau beberapa kali tanam dan mendapat sebanyak tiga ratus enam puluh tiga (363) gantang Malaysia; atau

Bayaran Zakat Tanaman.

(2) Seorang Islam yang menanam jagung dalam masa dua belas bulan Kamariah samada sekali tanam atau beberapa kali tanam dan mendapat sebanyak satu ratus lapan puluh tiga (183) gantang Malaysia yang telah dibersihkan daripada tungkulnya hendaklah membayar zakat kepada Amil yang bertauliah sebanyak sepuluh peratus (10%) sila lihat JADUAL 1.

Dengan syarat adalah zakat daripada wakil itu samalah seperti bayaran tuan tanah dan begitu juga bayaran oleh tuan tanah ialah seperti bayaran daripada wakil iaitu tujuannya bahawa zakat itu tiada-lah dikutip lebih daripada satu kali pada mana-mana satu bendang atau ladang yang ditanam.

(3) Bayaran itu hendaklah dibayar tiada lewat daripada akhir bulan yang selepas sahaja masa mengetam.

Bayaran Zakat Wang.

5. Seorang Islam yang menyimpan wang dalam masa dua belas bulan Kamariah yang nilainya bersamaan dengan harga 20 misqal emas atau lebih mengikut harga pasaran emas pada masa cukup holnya (1 tahun) hendaklah membayar zakat kepada Amil yang bertauliah sebanyak dua setengah peratus daripada jumlah yang disimpannya.

Bayaran Zakat Perniagaan.

6. Seorang Islam yang berniaga dalam masa dua belas bulan Kamariah yang mana jumlah barang yang ada dalam simpanan bersama-sama dengan wang tunai dalam tangan dan dalam bank serta hutang-hutang di tangan orang lain yang boleh didapatkan bayarannya yang senilai dengan harga 20 misqal emas atau lebih mengikut harga pasaran pada masa cukup holnya (1 tahun) hendaklah membayar zakat pada Amil yang bertauliah sebanyak dua setengah peratus daripada jumlah perniagaannya.

Bayaran Zakat Ternakan.

7. (1) Seorang Islam yang memelihara binatang ternakan lembu atau kerbau sebanyak 30 ekor dalam masa dua belas bulan Kamariah hendaklah membayar zakat kepada Amil yang bertauliah sebagaimana yang ditentukan dalam JADUAL 2.

(2) Seorang Islam yang memelihara binatang ternakan kambing atau biri-biri sebanyak 40 ekor dalam masa dua belas bulan Kamariah hendaklah membayar zakat kepada Amil yang bertauliah sebagaimana yang ditentukan di dalam JADUAL 3.

Cara Pungutan Zakat.

8. (1) Dalam bulan Muharram tiap-tiap tahun Kadi Daerah hendaklah menghantar atau memerintahkan supaya dihantar satu pemberitahu yang mengandungi satu pengakuan dalam borang (E) mengikut jadual yang disediakan disini kepada tiap-tiap orang Islam di kawasannya yang wajib membayar Zakat dan orang yang tersebut itu hendaklah mengisi dengan betul borang-borang tersebut itu dan menghantarkannya balik kepada Kadi Daerah dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahu.

(2) Apabila pengakuan tersebut diterima, Kadi Daerah hendaklah menentukan kadar Zakat yang wajib dibayar oleh pemilik harta itu dan hendaklah ia menghantar atau memerintahkan supaya dihantarkan kepada orang yang membuat pengakuan yang tersebut itu akan satu pemberitahu dalam borang (F) mengikut jadual yang disediakan di sini memaklumkan kepada yang berkenaan dengan jumlah Zakat yang wajib dibayar olehnya itu dan menghendakinya membayar Zakat yang tersebut itu kepada Amil dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahu yang tersebut.

(3) Sesiapa yang tidak mengembalikan pengakuan yang disebutkan di dalam peraturan 8 (1) dalam peraturan ini mengikut tempoh yang ditetapkan di dalamnya, atau tidak membayar Zakat yang terkandung dalam peraturan 8 (2) dalam peraturan ini mengikut tempoh yang ditetapkan di dalamnya, adalah disifatkan melakukan kesalahan dan jika didapati sabit kesalahannya itu oleh Mahkamah Kadi maka bolehlah ia di hukum denda yang sama sebagaimana kesalahan yang terkandung dalam peraturan 38 di dalam peraturan ini.

Zakat Fitrah yang berhutang.

9. Sebarang bayaran zakat dan fitrah yang terhutang kepada Majlis hendaklah dituntut di dalam Mahkamah Kadi termasuklah piutang-piutang (pinjaman) yang diberi oleh Majlis menurut peraturan Zakat dan Fitrah 1952 yang belum dijelaskan oleh orang yang berhutang hendaklah dituntut di dalam Mahkamah Kadi.

Zakat Orang di luar Negeri Perak.

10. Tiap-tiap orang Islam yang berada di luar Negeri Perak tetapi di dalam Negeri Perak ini ada menanam tanaman yang disebut pada peraturan 4 (1) dan (2) atau menyimpan wang menurut peraturan 5 atau

berniaga menurut peraturan 6 atau memelihara ternakan menurut peraturan 7 (1) dan (2) hendaklah membayar zakat kepada Amil yang bertauliah di dalam Negeri Perak.

11. (1) Yang Dipertua hendaklah melantik Jawatankuasa Zakat dan Fitrah bagi suatu kariah masjid sebanyak tidak lebih daripada sebelas orang yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Masjid kariah itu.

(2) Jawatankuasa itu akan memegang jawatannya selama dua tahun dikecualikan bahawa Yang Dipertua dengan budibicaranya sendiri memansuhkan atau memberhentikan mana-mana Jawatankuasa dan memansuhkan sesiapa yang patut yang menjadi Jawatankuasa itu.

12. (1) Tiap-tiap Jawatankuasa Zakat dan Fitrah boleh menjalankan kuasa-kuasa di dalam kariah masjidnya seperti berikut:

- (a) Mengadakan mesyuarat memilih orang-orang untuk dilantik menjadi Amil;
- (b) Menjaga dan mengawal Amil di dalam pekerjaan mereka di dalam kariah masjid itu;
- (c) Memeriksa surat-surat benci yang dijalankan oleh Amil berkenaan dengan orang-orang wajib membayar Zakat dan Fitrah;
- (d) Menerima pengaduan dan menghantar pengaduan itu berserta dengan sokongan-sokongan melalui Kadi Daerah melalui Yang Dipertua;
- (e) Mengadakan mesyuarat memilih nama-nama fakir dan miskin di dalam kariah masjid itu dan menyampaikan kepada Yang Dipertua melalui Kadi Daerah dan Yang Dipertua setelah berpuashati dengan nama-nama fakir dan miskin itu bolehlah di mansuhkan ke dalam senarai orang fakir dan miskin;
- (f) Mengakui betul bayaran kepada fakir miskin mengikut hukum Syarak dan Surat Perkeliling daripada Majlis yang dikeluarkan dari masa ke semasa;
- (g) Berusaha memajukan kutipan Zakat dan Fitrah di dalam kawasannya.

(2) Manakala didapati ada Amil-amil yang tidak menjalankan tugas atau ada melakukan kesalahan atau ada orang yang tidak membayar Zakat dan Fitrah atau orang yang enggan memberi benci atau membayar Zakat dan Fitrah kepada bukan Amil atau menerima Zakat dan Fitrah padahal dia bukan Amil atau orang menghasut daripada menunaikan Zakat dan Fitrah atau orang yang menghalang Amil dari pada menjalankan tugas maka hendaklah Jawatankuasa Zakat dan Fitrah membuat pengaduan bertulis dengan seberapa segera kepada Kadi Daerah untuk disampaikan kepada Yang Dipertua.

13. (1) Yang Dipertua setelah berpuashati dengan nama-nama Amil yang dipilih oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah dan disokong oleh Kadi Daerah bolehlah melantik pada tiap-tiap tahun Hijrah tidak lewat daripada satu haribulan Rejab beberapa orang Amil bagi tiap-tiap kariah masjid yang difikirkan layak mengutip Zakat dan/atau Fitrah.

(2) Lantikan itu hendaklah dengan bertulis yang ditandatangani oleh Yang Dipertua atau bagi pihaknya dan dimeterikan dengan cop mohor Majlis kecuali mana-mana Amil yang dilantik semula memadailah jika memanjangkan tempoh masa lantikan itu ditulis di atas surat lantikan itu juga yang ditandatangani oleh Yang Dipertua atau bagi pihaknya yang dimeterikan dengan cop mohor Majlis.

(3) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa melantik sesiapa juga yang difikirkan patut menjadi Amil untuk menjalankan kutipan Zakat dan/atau Fitrah di mana-mana tempat di dalam negeri ini.

(4) Tiap-tiap Amil hendaklah menandatangani di dalam surat lantikan manakala menerima surat lantikan itu.

Pilihan atau
lantikan
Jawatankuasa
Zakat dan
Fitrah.

Kuasa dan
kewajipan
Jawatankuasa
Zakat dan
Fitrah.

Lantikan
Amil.

(5) Mana-mana Amil yang dilantik dalam peraturan ini adalah dianggap sebagai Pegawai Kerajaan mengikut Kanun Keseksaan.

(6) Nama-nama Amil yang dilantik itu bolehlah diberitahu kepada orangramai di masjid atau di Madrasah atau sebagainya.

Kelucutan Amil.

14. (1) Mana-mana seorang Amil yang dilantik itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Yang Dipertua. Kelucutan itu hendaklah diberitahu oleh Yang Dipertua dengan berulis dan dengan cop mohor Majlis kepada Amil dan kepada Jawatankuasa Zakat dan Fitrah di tempat Amil itu.

(2) Seseorang yang wajib membayar Zakat dan/atau Fitrah di dalam kariah masjid yang Amil itu diberhentikan daripada jawatannya adalah disifatkan sebagai telah mengetahui akan kelucutan Amil itu apabila penyata kelucutan itu dibaca di masjid pada masa sebelum atau selepas Sembahyang Jumaat.

(3) Suatu akuan yang ditandatangani oleh Imam Masjid atau Pengurus Jawatankuasa Zakat dan Fitrah yang dituliskan di atas satu salinan penyata kelucutan itu adalah satu keterangan yang sah bagi pembacaan kelucutan itu.

Amil Meletak Jawatan.

15. Tiap-tiap Amil Zakat dan/atau Fitrah boleh meletak jawatan daripada menjadi Amil tersebut dengan syarat hendaklah diberitahu kepada Yang Dipertua tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum daripada ia meletak jawatan itu. Yang Dipertua hendaklah memperbuat seperti yang diperbuat kepada Amil yang dilucutkan daripada jawatannya seperti peraturan 14 dalam peraturan ini.

Amil yang Habis Kuasanya.

16. Mana-mana Amil yang sudah habis tempohnya ia menjadi Amil atau yang dilucutkan daripada menjadi Amil atau yang meletak jawatannya daripada menjadi Amil hendaklah dengan seberapa segera menyeraahkan kepada Yang Dipertua surat tauliahnya, semua kutipan Zakat dan/atau Fitrah dan semua buku-buku yang diterima olehnya daripada Yang Dipertua.

Kuasa dan Kewajipan Amil.

17. (1) Tiap-tiap Amil hendaklah mengambil benci di dalam kawasannya nama orang-orang yang wajib membayar fitrah dan bilangan tanggungannya tidak lewat daripada bulan Syakban tiap-tiap tahun Hijrah. Amil juga hendaklah mengambil benci semua orang yang berhak menerima bahagian mengikut hukum Syarak sebagai fakir dan miskin dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Zakat dan Fitrah untuk dipilih dan selepas dipilih maka Jawatankuasa Zakat dan Fitrah menyampaikan melalui Kadi Daerah kepada Yang Dipertua tidak lewat daripada satu haribulan Ramadzan satu penyata seperti yang ditunjukkan di dalam borang "A" dan "Ai" bersama ini.

(2) Tiap-tiap Amil hendaklah dalam musim menanam tanaman yang disebut di dalam peraturan 4 (1) dan (2) dalam peraturan ini memeriksa semua bendang dan/atau ladang di dalam kawasan dan mana-mana bendang atau ladang yang difikirkan penanam-penanam tanaman itu wajib mengeluarkan zakat hendaklah Amil itu membuat anggaran berapa banyak pendapatan bagi musim itu.

(3) Amil-amil itu hendaklah tidak lewat daripada sebulan sebelum menuai menghantar melalui Jawatankuasa Zakat dan Fitrah kepada Kadi Daerah untuk disampaikan kepada Yang Dipertua satu penyata mengikut borang "B" bersama ini.

Dikecualikan jika diterima keterangan yang menunjukkan pendapatan yang kurang waktu menuai daripada penanam itu maka anggaran pendapatan yang diberi oleh Amil itu akan disifatkan sebagai keterangan yang muktamad untuk mengira dan mengutip bayaran zakat.

(4) Seorang Amil pada tiap-tiap bulan Zulhijjah pada tiap-tiap tahun Hijrah hendaklah mengambil banci di dalam kawasannya orang yang seperti berikut :

- (i) Orang yang difikirkan menyimpan wang yang nilainya bersamaan dengan 20 misqal emas atau lebih;
- (ii) Orang yang difikirkan menyimpan emas sebanyak 20 misqal selain daripada pakaian perhiasan yang diharuskan oleh hukum Syarak;
- (iii) Orang yang difikirkan menyimpan perak tidak kurang daripada 200 darham selain daripada pakaian perhiasan yang diharuskan oleh hukum Syarak;
- (iv) Orang yang berniaga sendiri atau berkongsi;
- (v) Orang yang memelihara sendiri atau berkongsi ternakan kerbau lembu sebanyak 30 ekor atau kambing biri-biri sebanyak 40 ekor dan bancian yang tersebut dihantar melalui Jawatankuasa Zakat dan Fitrah kepada Kadi Daerah untuk disampaikan kepada Yang Dipertua.

(5) Tiap-tiap Amil hendaklah mengutip zakat dan fitrah yang teruntuk bagi Majlis dengan seberapa segera.

(6) Bagi tiap-tiap bayaran yang diterima maka Amil itu hendaklah menandatangani dan mengeluarkan satu resit rasmi mengikut contoh yang diberi oleh Yang Dipertua dan resit yang sedemikian akan disifatkan sebagai akuan kepada membayar zakat atau fitrah.

(7) Tiap-tiap Amil tidak dibenarkan memotong apa-apa perbelanjaan yang terkena apabila mengutip zakat dan/atau fitrah di dalam kawasannya.

(8) Tiap-tiap Amil hendaklah di dalam tempoh tujuh hari daripada menerima kutipan membayar kepada Kadi Daerah atau mana-mana orang yang mendapat kebenaran dengan bertulis daripada Yang Dipertua, semua wang kutipan zakat dan/atau fitrah dan mengeluarkan kepada Kadi Daerah yang tersebut atau orang-orang yang mendapat kebenaran yang tersebut di atas untuk diperakukan semua salinan yang kedua resit yang dikeluarkan.

(9) Tiap-tiap Amil hendaklah menyimpan semua zakat dan/atau fitrah yang dikutipnya disuatu tempat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah di dalam kariah masjidnya sehingga ia menerima arahan daripada Yang Dipertua berkenaan dengannya. Permintaan itu hendaklah dijalankan dan diperbuat dan tiap-tiap Amil adalah bertanggungjawab bagi semua kutipan zakat dan fitrah di bawah kawasannya selain daripada bahagian yang susut atau kekurangan yang tidak dapat dielakan.

(10) Amil boleh menjual zakat dan fitrah selain dari wang tunai dengan harga yang menguntungkan. Amil boleh juga menerima zakat dengan harga zakat dan fitrah yang ditetapkan oleh Majlis dari masa ke semasa.

(11) Tiap-tiap Amil hendaklah dalam tempoh sebulan sebelum daripada selesai mengutip zakat dan/atau fitrah menghantar menerusi Jawatankuasa Zakat dan Fitrah kepada Kadi Daerah satu akaun yang lengkap dan mengandungi semua kutipan dan salinan yang kedua resit-resit yang dikeluarkannya dan resit-resit asal bagi semua bayaran yang dilakukannya.

(12) Tiap-tiap Amil adalah berhak memasuki sebarang tempat seperti tanah atau bangunan untuk menjalankan tugas seperti membanci atau membuat anggaran seperti yang tersebut dalam peraturan ini.

(13) Tiap-tiap Amil apabila bertindak di bawah peraturan ini atau mana-mana undang-undang yang ditetapkan hendaklah, apabila diminta, menyatakan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya ia bertindak itu atau yang daripadanya ia meminta apa-apa maklumat surat tauliah yang diarahkan oleh Yang Dipertua supaya dibawa oleh tiap-tiap Amil itu.

(14) Maka tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi seseorang enggan mematuhi apa-apa permintaan, kehendak atau perintah yang dibuat oleh seseorang Amil yang bertindak atau berupa sebagai bertindak di bawah peraturan ini atau mana-mana undang-undang seperti disebut di atas jika Amil itu enggan menyatakan jawatannya dan enggan mengemukakan surat tauliahnya apabila diminta oleh orang itu.

(15) Manakala didapati seorang yang enggan memberi benci atau enggan membayar zakat atau fitrah kepada bukan Amil yang bertauliah atau menerima zakat atau fitrah atau menghalang Amil daripada menjalankan kuasa dan tugasnya maka tiap-tiap Amil hendaklah membuat pengaduan bertulis dengan seberapa segera menerusi Jawatankuasa Zakat dan Fitrah kepada Kadi Daerah untuk disampaikan kepada Yang Dipertua.

Kuasa dan
Kewajipan
Kadi.

18. (1) Dengan tidak menghalangi kuasa Yang Dipertua bagi membenarkan sebarang orang lain secara bertulis daripada mana-mana kuasa yang tersebut maka Kadi Daerah bagi suatu tempat itu adalah mempunyai kuasa seperti berikut:

(a) Menerima atau menuntut daripada sebarang Amil yang dilantik bagi menjalankan sebagai pengutip di dalam kawasannya sebarang kutipan yang didapati oleh Amil itu sebagai zakat dan/ atau fitrah;

(b) Menuntut daripada sebarang Amil salinan yang kedua daripada apa-apa resit yang dikeluarkannya atau resit asal yang diterima oleh Amil-amil bagi bayaran yang telah dilakukannya.

(2) Tiap-tiap Kadi Daerah hendaklah menyimpan satu buku tunai mengandungi akaun yang diterima daripada Amil yang menunjukkan nama-nama orang yang Amil itu terima zakat dan/atau fitrah dan banyaknya, haribulan Kadi itu menerima dan haribulan dan cara diberi oleh Kadi wang-wang itu (ataupun menyimpan satu buku tunai seperti contoh "A" bersama-sama peraturan ini).

(3) Tiap-tiap Kadi Daerah bolehlah membayar bagi pihak Yang Dipertua kepada Amil zakat dan/atau fitrah sebanyak satu perlapan daripada jumlah kutipan selepas Kadi itu menolak apa-apa perbelanjaan yang menasabah dan benar seperti angkut dan sebagainya.

(4) Tiap-tiap Kadi Daerah hendaklah dalam tempoh tujuh hari daripada diterima olehnya memasukkan wang yang diterimanya daripada sebarang Amil itu ke dalam sebuah Bank yang ditentukan oleh Yang Dipertua bagi simpanan di dalam nama Kadi Daerah atau di dalam mana-mana cawangan bendahari negeri atau mana-mana pejabat pos untuk dihantar kepada Yang Dipertua.

(5) Apabila kutipan zakat dan/atau fitrah telah selesai di dalam kawasannya ia akan mengutip daripada tiap-tiap Amil salinan yang kedua bagi segala resit-resit yang dikeluarkan oleh Amil-amil itu dan akan menghantarkan kepada Yang Dipertua di dalam sebulan segala resit-resit itu dan salinan buku tunai yang disimpannya di dalam Bank atau mana-mana cawangan Bendahari Negeri atau mana-mana pejabat pos atau yang telah dihantarkannya kepada Yang Dipertua bagi diperiksa (udit) oleh mana-mana yang diperintah oleh Majlis dari masa ke semasa.

(6) Kadi manakala didapati Amil atau siapa-siapa yang tidak menurut kehendak Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 11/1965 atau tidak menurut kehendak-kehendak peraturan ini tiap-tiap Kadi hendaklah dengan seberapa segera mengadukan secara bertulis kepada Yang Dipertua.

(7) Kadi adalah sebagai penyelia dan penasihat Jawatankuasa Zakat dan Fitrah dan sebagai pentadbir, pengawal dan pengawasan dan wakil naqib zakat dan fitrah di dalam wilayahnya.

19. Bagi tambahan dan tidak mengurangkan kuasa-kuasa yang diberi sebelum daripada ini maka Yang Dipertua adalah mempunyai kuasa seperti berikut :

Kuasa Yang
Dipertua.

(a) Menyiasat sebarang bayaran zakat dan/atau fitrah atau apa-apa buku akaun atau kertas-kertas yang disimpan, dikeluarkan atau diterima oleh sebarang Amil atau Kadi berkenaan, sebarang kutipan zakat dan/atau fitrah. Yang Dipertua boleh juga memberi kuasa kepada sebarang orang bagi menjalankan penyiasatan bagi pihaknya dan dalam keadaan yang demikian orang yang telah diberi kuasa itu bolehlah menjalankan apa-apa kuasa yang terkandung di dalam peraturan ini.

(b) Menerima, mengutip atau menuntut daripada sebarang wang yang diterima sebagai zakat dan/atau fitrah atau pinjaman atau mana-mana ter hutang kepada Majlis termasuklah pinjaman yang diperbuat sebelum daripada peraturan ini yang ter hutang kepada Majlis.

20. (1) Yang Dipertua hendaklah memerintah supaya disimpan oleh pejabat di bawah kelulaannya buku akaun seperti berikut :

Kewajipan
Yang
Dipertua.

- (a) Satu buku tunai menunjukkan kutipan zakat dan fitrah yang diterima dan bayaran-bayaran yang diperbuat;
- (b) Satu keterangan anggaran zakat dan fitrah yang diterima dari pada seseorang Amil;
- (c) Satu keterangan yang menunjukkan sebarang wang yang tersimpan di dalam Kumpulan Wang Majlis iaitu baki daripada jumlah wang yang dikutip atau pun dengan sebab jualan kutipan zakat dan/atau fitrah;
- (d) Satu keterangan pejabat yang diberi Kumpulan Wang ini dan pembayaran balik yang dibuat sebelum daripada peraturan ini.

(2) Yang Dipertua hendaklah dalam tempoh dua bulan daripada sebelum kutipan zakat tanaman (bijian) atau zakat wang simpanan (emas atau perak) atau zakat perniagaan atau zakat ternakan atau zakat fitrah pada tiap-tiap tahun menyediakan kepada Majlis untuk dipersetujui satu kira-kira menunjukkan jumlah diterima bagi tiap-tiap daerah dan bayaran yang telah dikeluarkan. Akaun itu selepas dipersejukan oleh Majlis akan dipersembahkan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui Menteri Besar untuk diperkenankan.

21. Tujuan kutipan zakat dan fitrah ialah untuk kebajikan orang-orang Islam yang berhak mendapat pertolongan mengikut hukum Syarak. Pembahagian zakat dan fitrah hendaklah mengikut hukum Syarak ditentukan kepada asnaf yang delapan sahaja iaitu :

Pembahagian
Zakat dan
Fitrah.

- (1) Amil;
- (2) Fakir;
- (3) Miskin;
- (4) Muallaf;
- (5) Raqib;
- (6) Gharim;
- (7) Sabilillah;
- (8) Ibni Sabil.

Mana-mana bahagian yang tiada asnaf.

22. Tiap-tiap asnaf itu mendapat bahagian sebanyak satu perlapan tetapi mana-mana bahagian yang tiada asnaf di dalam negeri ini maka bahagian itu bolehlah dibahagikan kepada asnaf-asnaf yang ada di dalam negeri ini dengan sama banyak dan juga bahagian-bahagian dari pada asnaf itu bolehlah dipindahkan kepada mana-mana satu asnaf atau lebih yang terlebih berhajat kepadanya mengikut pertimbangan dan persetujuan Majlis.

Pertolongan Am.

23. Di bawah fakir dan miskin termasuklah perkara yang tersebut:

- (1) Pertolongan sekali sahaja kerana merengangkan sementara iaitu—
 - (a) Kematian atau kesakitan seseorang yang meninggalkan atau mempunyai beberapa orang tanggungan yang tidak ada sara hidup atau bantuan kepada mereka;
 - (b) Kemalangan yang tidak disangka-sangka;
 - (c) Pertolongan kepada orang-orang sakit yang putus ikhtiarinya.
- (2) Pertolongan yang diberi itu ialah dengan beberapa cara seperti:
 - (a) Bantuan dengan wang;
 - (b) Bantuan dengan barang-barang makanan;
 - (c) Bantuan dengan pakaian;
 - (d) Bantuan dengan belanja berubat.
- (3) Pertolongan bulanan pada ghalibnya tidaklah diberi melainkan kepada perkara yang istimewa seperti—
 - (a) Orang yang sakit yang tidak ada orang yang menangungnya sekiranya tidak dibantu nescaya adalah ia dalam kesusahan yang sangat berat;
 - (b) Orang yang cacat cedera atau orang yang tua yang dhaif yang tiada orang yang menangungnya;
 - (c) Kanak-kanak yang tiada siapa yang bertanggungjawab diatasnya dan menangungnya.

Memulihkan Kehidupan.

24. Pemberian yang sekali gus harus diberi kerana memulihkan kehidupan seseorang dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

Bantuan Pelajaran.

25. Bantuan pelajaran di bawah peraturan 21 (7) (d) termasuklah:

- (1) Bantuan penuh atau sebahagian daripada perbelanjaan bagi pelajaran iaitu termasuklah—
 - (a) Harga buku-buku;
 - (b) Bayaran sekolah bulanan;
 - (c) Bayaran kenderaan atau tambang kereta;
 - (d) Membeli pakaian;
 - (e) Perbelanjaan harian;
 - (f) Belanja rumah tumpangan;
 - (g) Belanjaan peperiksaan.
- (2) Pelajaran ilmu yang tinggi kepada penuntut penuntut yang menyambung pelajarannya—

Dengan diberi pelajaran dimana-mana tempat pelajaran tinggi di Malaysia atau diseberang laut yang dipersetujukan oleh Majlis dengan syarat-syarat yang ditentukan.

Pinjaman.

26. Tidak ada mana-mana satu pinjaman yang boleh dibuat daripada wang kutipan zakat dan fitrah di dalam peraturan ini.

27. Mana-mana satu bahagian asnaf yang tidak dihabisi seperti muallaf, gharim, ibni sabil, raqib dan wang Baitul Mal hendaklah disimpan atau dibelikan harta yang tetap yang difikirkan mendatangkan keuntungan bagi menambahkan kumpulan wang itu untuk digunakan di atas perkara yang diluluskan oleh syarak.

Simpanan dan
Membeli
Harta Tetap.

28. Untuk menentukan samada sesuatu bayaran itu boleh dibayar atau tidak menurut hukum syarak maka Yang Dipertua tidaklah boleh membuat bayaran melainkan dipersetujui oleh Mufti dan/atau Kadi.

Menentukan
Bayaran.

29. (1) Bayaran kepada Amil dengan makna yang tertakluk di bawah peraturan 21 (1) dalam peraturan ini bolehlah dibayar tidak lebih dari pada tiga puluh tiga peratus daripada jumlah kutipan zakat dan/atau fitrah itu tetapi Amil yang menjalankan kutipan zakat dan/atau fitrah di dalam kawasannya yang ditentukan di dalam sesebuah kariah masjid bolehlah dibayar sebanyak satu perlapan daripada jumlah kutipannya itu selepas ditolak apa apa perbelanjaan kutipan itu jika ada.

Cara
Pembayaran
kepada
Asnaf.

(2) (a) Bayaran kepada fakir dan miskin adalah seperti berikut :

(i) Majlis bolehlah mendapatkan kerjasama daripada Jawatankuasa Ugama Wilayah bagi menentukan seseorang itu fakir atau miskin dan penentuan yang muktamad adalah diperbuat oleh Majlis;

(ii) Pembayaran hendaklah diperbuat dengan memberikan tanah perusahaan atau dengan modal atau dengan apa-apa yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Ugama Wilayah;

(iii) Semua pembayaran adalah dibuat oleh Majlis.

(b) (i) Majlis hendaklah menyediakan daftar nama fakir dan miskin yang patut mendapatkan bantuan;

(ii) Pembayaran kepada amil dan fakir miskin bagi suatu kariah masjid itu hendaklah diberitahu kepada orangramai dengan diletakkan di papan kenyataan atau sebagainya di masjid itu;

(3) Bayaran kepada muallaf adalah seperti berikut :

(a) Kadi bolehlah membayar kepada mereka yang baru memelok Islam dan membayar perbelanjaan berkhatan dan membayar perbelanjaan kepada seseorang guru yang mengajar hukum Islam kepada muallaf sebanyak yang diluluskan oleh Majlis dari masa ke semasa;

(b) Majlis bolehlah menimbangkan permintaan seseorang muallaf akan bantuan kebajikan, pelajaran dan modal untuk memulakan sesuatu perusahaan samada dibayar kembali atau tidak, mengikut pertimbangan Majlis;

(c) Majlis boleh pada bila-bila masa juga pun meluluskan apa-apa perbelanjaan untuk kebajikan dan kemuslihanan am bagi muallaf.

(4) Bayaran kepada Raqib, oleh sebab asnaf ini tidak ada di dalam negeri ini, maka hendaklah dikembalikan kepada asnaf yang berada di dalam negeri ini.

(5) Bayaran kepada Gharim—Permohonan bantuan ini hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua dan kelulusan permohonan ini hendaklah dibuat oleh Majlis.

(6) Bayaran kepada Sabillillah—Permohonan bantuan ini hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua dan kelulusan permohonan ini hendaklah dibuat oleh Majlis.

(7) Bayaran kepada Ibni Sabil bolehlah dibayar oleh Kadi kepada mereka yang terlibat di dalam sesuatu pengembalaan tidak lebih daripada \$50.00 dan selebihnya hendaklah dibuat oleh Yang Dipertua.

- Menolak Permohonan.** 30. Majlis atau Yang Dipertua atau Kadi boleh menolak permohonan bayaran bantuan daripada wang zakat dan fitrah ini dengan tidak merangkan apa-apa sebab atau alasan.
- Peraturan Am Kewangan.** 31. Aapa-apa peraturan yang tidak disebut di dalam peraturan ini maka apa-apa kutipan dan apa-apa bayaran yang dibuat di dalam kutipan zakat dan fitrah ini bolehlah menurut Arahan Perbendaharaan berjalan daripada satu masa ke semasa.
- “KESALAHAN”**
- Amil Meletak Jawatan.** 32. Tiap-tiap seorang Amil yang meletakan jawatannya dengan tidak beritahu lebih dahulu kepada Yang Dipertua dalam masa tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum daripada tarikh meletak jawatan itu boleh dihukum denda sebanyak \$100.00 atau penjara selama satu bulan atau kedua-dua sekali.
- Tulisan Berlainan.** 33. Mana-mana Amil yang melakukan tulisan yang berlainan banyaknya diterima atau dikutip diantara resit asal dengan resit salinan apabila menerima atau mengutip zakat dan/atau fitrah boleh dihukum denda tidak lebih daripada \$100 atau penjara selama satu bulan atau kedua-dua sekali.
- Menjalani Tugas di Luar Kawasan.** 34. Mana-mana Amil yang menjalankan tugasnya diluar daripada kawasan yang ditentukan bolehlah dihukum denda \$100.00 atau dipenjara selama satu bulan atau kedua-duanya sekali.
- Tulisan Tidak Sama.** 35. Mana-mana Amil yang menulis di dalam resit penerimaannya tidak menurut sebanyak kutipan zakat dan/atau fitrah yang diterima olehnya boleh dihukum denda sebanyak \$100.00 atau dipenjara selama satu bulan atau kedua-duanya sekali.
- Tidak Bayar Sepenuh.** 36. Mana-mana Amil yang membayar kepada fakir miskin atau siapa-siapa yang berhak dengan tidak sepenuhnya mengikut di dalam bocer bayaran itu boleh dihukum denda \$100.00 atau dipenjara selama satu bulan atau kedua-duanya sekali.
- Tidak Mengeluarkan Resit.** 37. Mana-mana Amil yang menerima kutipan zakat dan/atau fitrah dengan tidak mengeluarkan resit bayaran itu bolehlah dihukum denda \$100.00 atau dipenjara satu bulan atau kedua-duanya sekali.
- Membinasakan Kutipan Zakat atau Fitrah.** 38. Siapa-siapa yang membinasakan kutipan zakat dan/atau fitrah atau menyalahgunakan kutipan zakat atau fitrah boleh dihukum denda tidak lebih daripada \$500.00 atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali dan kutipan zakat atau fitrah itu hendaklah dibayar balik kepada Yang Dipertua.
- Keterangan Bohong.** 39. Siapa-siapa yang memberi keterangan palsu berkenaan kutipan zakat atau fitrah kepada Amil boleh dihukum denda \$300.00 atau tiga bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

PEMBATALAN

Dengan ini Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah tahun 1952 No. Warta 1222 adalah dibatalkan.

JADUAL 1

ZAKAT TANAMAN ATAU BIJI-BIJIAN

183 gantang Zakatnya	18 gantang
363 gantang Zakatnya	36 gantang
400 gantang Zakatnya	40 gantang
500 gantang Zakatnya	50 gantang
600 gantang Zakatnya	60 gantang
700 gantang Zakatnya	70 gantang
800 gantang Zakatnya	80 gantang
900 gantang Zakatnya	90 gantang
1,000 gantang Zakatnya	100 gantang
2,000 gantang Zakatnya	200 gantang
4,000 gantang Zakatnya	400 gantang
8,000 gantang Zakatnya	800 gantang
10,000 gantang Zakatnya	1,000 gantang
20,000 gantang Zakatnya	2,000 gantang

JADUAL 2

ZAKAT BINATANG TERNAKAN KERBAU ATAU LEMBU

30 ekor hingga 39 ekor zakatnya satu ekor lembu/kerbau yang berumur satu tahun lebih.

40 ekor hingga 59 ekor zakatnya satu ekor lembu/kerbau yang berumur dua tahun lebih.

60 ekor hingga selebihnya zakatnya dua ekor lembu/kerbau yang berumur satu tahun lebih.

Selebihnya dihetong tiap-tiap 30 ekor zakatnya satu ekor yang berumur satu tahun lebih.

JADUAL 3

ZAKAT BINATANG TERNAKAN KAMBING ATAU BIRI-BIRI

40 ekor hingga 120 ekor zakatnya satu ekor kambing berumur dua tahun, atau biri-biri berumur satu tahun.

121 ekor hingga 200 ekor zakatnya dua ekor kambing berumur dua tahun, atau biri-biri berumur satu tahun.

201 ekor hingga 399 ekor zakatnya tiga ekor kambing berumur dua tahun, atau biri-biri berumur satu tahun.

Dan selebihnya tiap-tiap 100 ekornya satu ekor kambing berumur dua tahun.

BAYARAN

ZAKAT Fitrah DAN BAITUL-MAL

TERIMA

CONTOH "A"

BUKU WANG TUNAI

JENIS BAYARAN	Wang Tunai	Bank	Jumlah
Wang Serah ke Ibu Pejabat			
Lain-lain			
Fakir Miskin			
Amil			
Muka Lejar			
Kepada Siapa			
No. Baucer			
Haribulan			
Jumlah			
Bank			
Wang Tunai			
Lain-lain			
Baitul Mal			
Fitrah			
Zakat Harta / Wang			
Zakat			
Muka Lejar			
Daripeda Siapa			
No. Resit			
No. Buku			
Haribulan			

UGAMA No. 2/52

ZAKAT DAN FITRAH**BORANG (A)**

[Peraturan 17 (1)]

KUTIPAN FITRAH

Nama Amil..... bin Nombor Tauliah..... Wilayah Kadi.....
 Daftar banci orang-orang Islam di dalam Mukim..... Kariah Masjid..... Jajahan..... yang terwajib
 mengeluarkan Fitrah Tahun.....

(1) Tarikh Banci	Ketua Rumah Ahli Ketua Rumah Ahli Rumah		Bilangan		(5) Nama Ketua Ahli Rumah dan Nama Orang-orang di dalam tanggungjawab atau jagaadnya		Umurnya		Perjanjian dengan orang itu		(6) Nomber Kad Pengenalan		(7) Umurnya		Perjanjian dengan orang itu		(8) Nomber Kad Pengenalan		(9) Jumlah orang di dalam rumah di dalam Kecuala termasuk Ketua		Rumah		(10) Darjah Tempat Kediaman		(11) Banyak Fitrah Diterima Daripadanya		(12) KETERANGAN MENERIMA FITRAH		(13) Latin-latin hal	
(2) No. Banci	Ketua Rumah Ahli Rumah	(3) Nama Ketua Rumah Ahli Rumah	(4) Bilangan	(5) Nama Ketua Ahli Rumah dan Nama Orang-orang di dalam tanggungjawab atau jagaadnya	(6) Umurnya	(7) Umurnya	(8) Nomber Kad Pengenalan	(9) Jumlah orang di dalam rumah di dalam Kecuala termasuk Ketua	(10) Darjah Tempat Kediaman	(11) Banyak Fitrah Diterima Daripadanya	(12) KETERANGAN MENERIMA FITRAH	(13) Latin-latin hal																		
(1) Tarikh Banci	Ketua Rumah Ahli Rumah	(3) Nama Ketua Rumah Ahli Rumah	(4) Bilangan	(5) Nama Ketua Ahli Rumah dan Nama Orang-orang di dalam tanggungjawab atau jagaadnya	(6) Umurnya	(7) Umurnya	(8) Nomber Kad Pengenalan	(9) Jumlah orang di dalam rumah di dalam Kecuala termasuk Ketua	(10) Darjah Tempat Kediaman	(11) Banyak Fitrah Diterima Daripadanya	(12) KETERANGAN MENERIMA FITRAH	(13) Latin-latin hal																		
(1) Tarikh Banci	Ketua Rumah Ahli Rumah	(3) Nama Ketua Rumah Ahli Rumah	(4) Bilangan	(5) Nama Ketua Ahli Rumah dan Nama Orang-orang di dalam tanggungjawab atau jagaadnya	(6) Umurnya	(7) Umurnya	(8) Nomber Kad Pengenalan	(9) Jumlah orang di dalam rumah di dalam Kecuala termasuk Ketua	(10) Darjah Tempat Kediaman	(11) Banyak Fitrah Diterima Daripadanya	(12) KETERANGAN MENERIMA FITRAH	(13) Latin-latin hal																		
(1) Tarikh Banci	Ketua Rumah Ahli Rumah	(3) Nama Ketua Rumah Ahli Rumah	(4) Bilangan	(5) Nama Ketua Ahli Rumah dan Nama Orang-orang di dalam tanggungjawab atau jagaadnya	(6) Umurnya	(7) Umurnya	(8) Nomber Kad Pengenalan	(9) Jumlah orang di dalam rumah di dalam Kecuala termasuk Ketua	(10) Darjah Tempat Kediaman	(11) Banyak Fitrah Diterima Daripadanya	(12) KETERANGAN MENERIMA FITRAH	(13) Latin-latin hal																		

ZAKAT DAN FITRAH

IIGAMA No. 3/52

BORANG (A1)

Peraturan 17 (1)

KITIPAN ZAKAT DAN FITRAH NEGERI PERAK

Wilayah Kadi.....
Daftar benci fakir dan miskin yang mustahak menerima Zakat dan Fitrah tahun..... Bagi Mukim..... Kariah Masjid.....
Jajahan.....

Number	Nama dengan	Penuh
Number Kard	Pengenalan	Number Kard
Tempat	Kediamanannya	Tempat
Umurnya	Keccakanannya	Umurnya
Pekerjaannya	Harta-harta yang	Pekerjaannya
Pendapatan	di dalam miliknya	Harta-harta yang
daaripada	pendapatan	di dalam miliknya
Pengetahuan	pekerjaannya	daaripada
Kepercayaan	daaripada	Pengetahuan
Umurnya	kepercayaan	Kepercayaan
Tempat	Kediamanannya	Tempat
Number Kad	Pengenalan	Number Kad
Nama dengan	Penuh	Nama dengan
Number	Nama dengan	Number

ZAKAT DAN FITRAH

BORANG (B)

UGAMA No. 6/52

[Peraturan 17 (2)]

NEGERI PERAK

Nama Amil..... bin No. Amil Wilayah Kadi.....
Daftar benci orang-orang Islam yang membuat Bendang atau Ladang di dalam Mukim..... Masjid Daerah.....
Jajahan.....

ZAKAT DAN FITRAH

BORANG (C)

[Peraturan 17 (4) (iv)]

Daftar orang-orang Islam di dalam Kawasan..... yang berniaga

Mukim.....

Daerah.....

Nama Amil.....

Bil.	Nama	Nombor Kad Pengenalan	Umur	No. Rumah (jika ada)	Jenis Perniagaan	Kenyataan

Tarikh.....

Tandatangan Amil

INGATAN: Hendaklah diperbuat dua keping, sekeping disimpan oleh Amil dan sekeping lagi diserahkan oleh Amil Kepada Kadi Daerah bagi kawasannya.

ZAKAT DAN FITRAH

BORANG (D)

[Peraturan 17 (4) (v)]

Daftar orang-orang Islam di dalam Kawasan..... yang berternak
 Mukim.....

Daerah.....

Nama Amil.....

Bil.	Nama	Nombor Kad Pengenalan	Umur	No. Rumah (jika ada)	Jenis Ternakan	Kenyataan

Tarikh.....

Tandatangan Amil

INGATAN: Hendaklah diperbuat dua keping, sekeping disimpan oleh Amil dan sekeping lagi diserahkan oleh Amil kepada Kadi Daerah bagi kawasannya.

ZAKAT DAN FITRAH

BORANG (E)

PEMBERITAHU DI BAWAH PERATURAN 8 (1)

Kepada:

.....

Mengikut peraturan 8 (1) dalam peraturan Zakat dan Fitrah dan mengikut hukum Syarak dengan ini tuan/puan dikehendaki mengisi borang yang di bawah ini dan kembalikannya ke Pejabat ini dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh ini.

*Tarikh:**Tandatangan Kadi Daerah*

*Kepada Tuan Kadi Daerah,
Daerah:*

.....

Saya..... yang bermastautin di.....

mengakui jika harta yang dicatatkan di bawah ini cukup haulnya adalah wajib bagi saya membayar zakatnya mengikut hukum Syarak.

1. HARTA

Wang tunai sebanyak..... ringgit.

2. TUMBUH-TUMBUHAN

(i) Padi sebanyakgantang dari sawah saya.....

(ii) Jagong/Kacang hijau/Kacang soya sebanyak.....
gantang dari perhumaan saya di.....

3. PERNIAGAAN

Harga barang-barang dalam simpanan dan wang tunai dalam tangan dan dalam bank serta hutang-hutang dalam tangan orang yang boleh didapatkan bayarannya berjumlah.....
ringgit.

4. TERNAKAN

(i) Kerbau sebanyak..... ekor.

(ii) Lembu sebanyak..... ekor.

(iii) Biri-biri sebanyak..... ekor.

(iv) Kambing sebanyak..... ekor.

5. EMAS DAN PERAK

Emas dan Perak yang dimiliki setelah ditolak pakaian perhiasan yang diluluskan oleh Syarak berjumlah sebanyak.....
Dengan ini saya mengaku iaitu kenyataan-kenyataan yang di atas ini betul dan benar belaka.

Tandatangan.....

Alamat.....

Tarikh.....

ZAKAT DAN FITRAH

BORANG (F)

PEMBERITAHU DI BAWAH PERATURAN 8 (2)

Daerah.....

Kawasan.....

Kepada.....

Menurut pengakuan yang tuan catitkan dalam borang (F) bertarikh yang telah diperbuat di bawah peraturan 8 (1) dalam Peraturan Zakat dan Fitrah 1975 itu, dan mengikut hukum Syarak adalah tuan diwajibkan membayar zakat kerana telah cukup nisab dan haulnya seperti yang disebutkan jumlahnya di bawah ini. Juga menyerahkan kepada Amil bagi kawasan yang tersebut di atas ini dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh ini.

No. 8/79

BERKENAAN

1. HARTA..... ringgit.
2. TUMBUH-TUMBUHAN..... ringgit.
3. PERNIAGAAN..... ringgit.
4. TERNAKAN..... ringgit.
5. EMAS DAN PERAK..... ringgit.

Kadi Daerah

Tarikh.....

Daerah.....

ZAKAT DAN FITRAH

BORANG (G)

RESIT DI BAWAH PERATURAN 17 (6)

Diterima Zakat daripada..... yang
tinggal di..... dengan wang tunai/

barang seperti di bawah ini:

1. Zakat Harta sebanyak..... ringgit.
2. Zakat Tumbuh-tumbuhan sebanyak..... ringgit.
3. Zakat Perniagaan sebanyak..... ringgit.
4. Zakat Ternakan sebanyak..... ringgit.
5. Zakat Emas dan Perak sebanyak..... ringgit.

Bagi tempoh yang sudah cukup haulnya pada.....

Tarikh.....

Tandatangan Amil

[J.U. Pk. /ZF/225/76.]

Pk. P.U. 2.

ENAKMEN MENCEGAH PENYAKIT
(N.M.B. Bab 186)

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen kecil (i) kepada seksyen 4 Enakmen Mencegah Penyakit yang telah diwakilkan kepada-nya oleh Raja dalam Mesyuarat menurut Pemberitahu Bil. 1514 dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* bertarikh 8hb Oktober, 1953, Menteri Besar, Perak, dengan ini mengisyiharkan kawasan tempatan meliputi Daerah Hilir Perak menjadi kawasan Serangan Penyakit Taun, mulai daripada 2hb November, 1978.

PREVENTION OF DISEASE ENACTMENT
(F.M.S. Cap. 186)

IN exercise of the powers conferred by sub-section (i) of section 4 of the Prevention of Disease Enactment as delegated to him by the Ruler in Council *vide* Perak Government Notification No. 1514 dated 8th October, 1953, the Menteri Besar, Perak, hereby declares that the local area covering the District of Lower Perak to be Cholera Infected Area, with effect from 2nd November, 1978.

Bertarikh di Ipoh: 18hb Disember, 1978.
[PSUK. Pk. (B) 4055/63 SJ.]

DATO' SERI HAJI WAN MOHAMED BIN HAJI WAN TEH,
Menteri Besar, Perak

Pk. P.U. 3.

ENAKMEN MENCEGAH PENYAKIT
(N.M.B. Bab 186)

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen kecil (i) kepada seksyen 4 Enakmen Mencegah Penyakit yang telah diwakilkan kepada-nya oleh Raja dalam Mesyuarat menurut Pemberitahu Bil. 1514 dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* bertarikh 8hb Oktober, 1953, Menteri Besar, Perak, dengan ini mengisyiharkan kawasan tempatan meliputi Daerah Hilir Perak telah tidak lagi menjadi kawasan Serangan Penyakit Taun mulai daripada 23hb November, 1978.

PREVENTION OF DISEASE ENACTMENT
(F.M.S. Cap. 186)

IN exercise of the powers conferred by sub-section (i) of section 4 of the Prevention of Disease Enactment as delegated to him by the Ruler in Council *vide* Perak Government Notification No. 1514 dated 8th October, 1953, the Menteri Besar, Perak, hereby declares that the local area covering the District of Hilir Perak have ceased to be Cholera Infected Area, with effect from 23rd November, 1978.

Bertarikh di Ipoh: 18hb Disember, 1978.
[PSUK. Pk. (B) 4055/63 SJ.]

DATO' SERI HAJI WAN MOHAMED BIN HAJI WAN TEH.
Menteri Besar, Perak